HongLeong Assurance

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,
Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1 Apakah Active Lifestyle Protector (Pelan Premier)?

Active Lifestyle Protector (Pelan Premier) ialah pelan tanpa penyertaan yang menawarkan Faedah Elaun Ihsan (sekiranya berlaku kematian), Bonus Tiada Tuntutan, Faedah Pendapatan Harian Penghospitalan, Faedah Kehilangan Dokumen Perjalanan, dan Perkhidmatan Bantuan Perubatan dan Kecemasan untuk tempoh perlindungan selama 5 tahun.

2 Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, bergantung kepada mod pembayaran premium, bagi jumlah premium berikut yang dibayar pada **tahun pertama**, anda akan menerima **perlindungan/faedah** insurans hayat berikut.

Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
857.14	439.28	225.00	75.00

Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Hayat Diinsuranskan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Faedah Elaun Ihsan

Sekiranya berlaku kematian, kami akan membayar jumlah berdasarkan punca kematian, lokasi kejadian, dan pelan yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah. Kami akan membatalkan polisi ini selepas kelulusan tuntutan faedah ini.

Lokasi Kejadian	Punca Kematian	Faedah Elaun Ihsan yang akan dibayar (RM)	
		Pelan Deluxe	Pelan Premier
Malaysia	Punca-punca akibat semulajadi	5,000.00	10,000.00
	Punca-punca akibat kemalangan	25,000.00	50,000.00
Luar Negara	Punca-punca akibat semulajadi	10,000.00	20,000.00
	Punca-punca akibat kemalangan	50,000.00	100,000.00

Bonus Tiada Tuntutan

Pada tamat tempoh polisi dan dengan syarat tiada tuntutan yang telah diluluskan sepanjang tempoh polisi, kami akan membayar **70%** (untuk Pelan Deluxe) atau **100%** (untuk Pelan Premier) daripada Jumlah Premium Dibayar berdasarkan mod bayaran bulanan untuk polisi ini.

Faedah Pendapatan Harian Penghospitalan

- Sekiranya dimasukkan ke Hospital di Malaysia, kami akan membayar faedah pendapatan harian bersamaan dengan **RM150.00** setiap hari bagi pelan Deluxe atau **RM300.00** setiap hari bagi pelan Premier sehingga 730 hari setiap Ketidakupayaan Sebarang Satu.
- Sekiranya dimasukkan ke Hospital di Luar Negara, kami akan membayar faedah pendapatan harian bersamaan dengan **RM300.00** setiap hari untuk pelan Deluxe atau **RM600.00** setiap hari untuk pelan Premier sehingga 30 hari setiap Ketidakupayaan Sebarang Satu.

Faedah Kehilangan Dokumen Perjalanan

- Apabila Hayat Diinsuranskan menjadi mangsa Peril semasa melancong ke Luar Negara dan kehilangan pasportnya (termasuk visa, jika berkenaan), kami akan membayar jumlah bersamaan dengan **RM1,500.00** untuk Pelan Deluxe atau **RM3,000.00** untuk Pelan Premier.
- Kami akan mengehadkan pembayaran faedah kepada 1 tuntutan sahaja setiap tahun polisi.

Perkhidmatan Bantuan Perubatan dan Kecemasan

Kami telah melantik agensi bantuan kecemasan (The Asia Assistance Network) untuk menawarkan program perkhidmatan pampasan (Bantuan Antarabangsa dan Bantuan Dalam Negeri) bagi mengendalikan penjagaan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang jenazah Hayat Diinsuranskan sehingga **RM250,000.00** bagi setiap kejadian.

Sila rujuk Risalah Maklumat Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri – sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh **12** bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.
- Kematian akibat kemalangan/Kehilangan Dokumen Perjalanan/Penghospitalan akibat daripada penerbangan atau mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti penerbangan kecuali ketika penerbangan dalam pesawat sebagai penumpang yang membayar tambang dan bukan sebagai anggota kru untuk tujuan sebarang perdagangan atau operasi teknikal dalam atau semasa berada di pesawat; kecederaan diri sendiri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, pembunuhan atau serangan yang diprovokasi atau berada di bawah pengaruh sebarang dadah/narkotik/alkohol dalam apa jua jenis; penglibatan dalam perlumbaan dalam apa jua jenis (selain menggunakan kaki), pendakian gunung atau batu yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, sukan musim sejuk, aktiviti bawah air, ski air, bola sepak, polo, memburu, lompatan pertunjukkan, penerokaan gua, penerokaan gua bawah tanah, peninjuan atau gusti; penyertaan secara langsung dalam mogokan, rusuhan, pemberontakan, revolusi dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau melakukan atau cubaan melakukan sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.
- Kematian akibat kemalangan/ Kehilangan Dokumen Perjalanan akibat daripada penglibatan atau peyertaan dalam sukan profesional atau separa profesional; peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, kegiatan ketenteraan atau rampasan kuasa; bertugas aktif dalam angkatan tentera (sama ada secara sukarela atau sebaliknya); atau akibat gangguan mental.
- Kematian akibat kemalangan akibat daripada kesakitan atau penyakit dalam apa jua jenis akibat atau sebarang dijangkiti oleh atau dalam apa-apa cara yang dikaitkan dengan virus, parasit, bakteria atau sebarang mikro-organisma termasuk virus, parasit, bakteria atau mikro-organisma diperkenalkan dan/atau disebabkan oleh gigitan serangga atau disebarkan secara seksual; keguguran atau sebarang komplikasi akibat kehamilan atau sebarang rawatan pergigian kecuali jika diperlukan oleh kecederaan yang dilindungi di bawah polisi ini.

SAMPLE

Level 3, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 - 7650 1288 Laman Web: www.hla.com.my

- Penghospitalan akibat daripada Keadaan pra-wujud; Penyakit-penyakit Tertentu; sebarang perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Penerbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan atau keganasan, luaran dan kelihatan dan bukan disebabkan oleh kesakitan, penyakit atau kecacatan fizikal atau mental yang berlaku secara beransur-ansur; pembedahan Plastik/ Kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata atau Pembedahan pembetulan penglihatan dekat (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya; penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh insurans; penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelnya, AIDS atau ARC, HIV dan penyakit berkaitan HIV termasuk sebarang mutasi derivasi atau variasinya serta sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang; sebarang Rawatan atau operasi Pembedahan untuk Kecacatan Kongenital atau keabnormalan termasuk penyakit keturunan; kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara Pembedahan), keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan yang sama, mengguguran kandungan dan jagaan serta Pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau Rawatan berkaitan ketaksuburan. Disfungsi erektil dan ujian atau Rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan Rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang Tidak Perlu dari segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan Rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata (sama ada secara sukarela atau tidak sukarela); radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear; belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Hayat Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya; penyiasatan dan Rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain; psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak; sakit atau kecederaan akibat daripada sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, ski air, aktiviti bawah air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional atau separa profesional dan aktiviti yang meyalahi undang-undang; belanja yang ditanggung untuk menukar jantina; atau sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal.
- Perkhidmatan Bantuan Perubatan dan Kecemasan akibat daripada keadaan pra-wujud; perkhidmatan bantuan perubatan dan kecemasan atau kos yang tidak diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh agensi bantuan kecemasan dan/atau tidak diatur oleh agensi bantuan kecemasan; sebarang kejadian yang berlaku apabila Hayat Diinsuranskan berada dalam wilayah Malaysia atau negara asal (bantuan antarabangsa), dalam lingkungan 100km dari tempat kediaman di Malaysia (bantuan domestik) atau lebih daripada 100km dari tempat kediaman di Malaysia bagi tempoh melebihi 90 hari berturut-turut setiap perjalanan (bantuan domestik); penyertaan dalam peperangan, rusuhan atau kekecohan awam atau apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang termasuk yang menyebabkan pemenjaraan atau semasa berkhidmat dalam unit polis atau tentera; kos pengangkutan Hayat Diinsuranskan menggunakan kapal air milik atau disewa oleh Hayat Diinsuranskan kecuali jika dipersetujui secara bertulis oleh agensi bantuan kecemasan sebelum Tarikh Permulaan Program. Agensi bantuan kecemasan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan kepada Hayat Diinsuranskan yang berada di kawasan berisiko peperangan, keadaan politik atau lain-lain yang menjadikan perkhidmatan tersebut mustahil atau tidak praktikal secara munasabah; sekiranya Hayat Diinsuranskan melancong ke luar Malaysia (bantuan antarabangsa) atau melancong lebih daripada 100km dari tempat kediaman bagi tempoh kurang daripada 90 hari berturut-turut (bantuan domestik) bertentangan dengan nasihat Doktor atau Pakar Perubatan atau Pakar Bedah atau untuk tujuan mendapatkan Rawatan perubatan bagi rehat dan pemulihan selepas sebarang Kemalangan atau Penyakit terdahulu; sekiranya Hayat Diinsuranskan tidak mengalami keadaan perubatan yang serius atau jika Rawatan boleh ditangguhkan secara munasabah sehingga Hayat Diinsuranskan kembali ke Malaysia (bantuan antarabangsa) atau tempat kediaman di Malaysia (bantuan domestik); kelahiran anak, kehamilan (kecuali kehamilan tidak normal atau komplikasi penting kehamilan yang membahayakan nyawa ibu dan/atau anak dalam kandungan) dan dalam apa jua keadaan kelahiran anak, keguguran (abortus spontan) atau kehamilan selepas enam (6) bulan daripadanya; kemalangan atau Kecederaan yang berlaku semasa Hayat Diinsuranskan terlibat dalam aktiviti pendakian gunung atau batu yang memerlukan penggunaan pemandu atau tali, penerokaan gua, terjun udara, payung terjun, belon udara panas, luncur udara, selam laut dalam menggunakan topi keledar keras dengan sambungan hos udara, perlumbaan dalam apa jua bentuk kecuali berjalan kaki dan semua sukan profesional kecuali jika dipersetujui secara bertulis oleh agensi bantuan kecemasan pada Tarikh Mula; kecederaan diri sendiri yang disengajakan, bunuh diri, ketagihan atau penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, Penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang keadaan atau Penyakit berkaitan AIDS; sebarang Rawatan yang dilakukan atau diperintahkan oleh pengamal tidak berdaftar dan tidak mengikut amalan perubatan standard seperti yang ditakrifkan di negara tempat Rawatan dijalankan; atau kos pengebumian di negara asal Hayat Diinsuranskan atau Malaysia.

Nota: Sila rujuk Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk butiran pengecualian.

SAMPLE

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

Hubungi kami di
03-7650 1288

Layari kami di:
https://www.hla.com.my/ms/home.html

E-mel kami di:
customerservice@hla.hongleong. com.my

Imbas kod QR untuk
Risalah Maklumat Produk

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium

Bergantung kepada mod pembayaran premium, premium berikut yang perlu dibayar pada **tahun pertama**.

Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
857.14	**439.28**	**225.00**	**75.00**

Tempoh: **5** tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jumlah Komisen	Tiada komisen yang perlu dibayar untuk polisi ini.
Caj lain yang berkenaan	Yuran Pemasaran/yuran rujukan/sebarang jenis yuran berkaitan promosi lain (jika berkenaan)

4 Terma Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Pembayaran premium selepas tempoh penangguhan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran faedah pada masa hadapan.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap.** Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang**: Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh bertenang**: Anda boleh membatalkan polisi anda dan kami akan membayar nilai penyerahan tunai (jika berkenaan), tolak sebarang jumlah yang anda berhutang dengan kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:
MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SAMPLE